

KAJIAN KESEDARAN PELAJAR TERHADAP HADIS MAWDU' DALAM KALANGAN PELAJAR DA'WAH DAN PENGURUSAN ISLAM USIM

Yusuf Mohd Shallehuddin¹
NurNajjah Nadia Daroji²
Siti Nur Izzah Sulaiman³
Amran Abdul Halim⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mel: Yusufmohd@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mel: najjah_daroji@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mel: izzahsulaiman@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: amranabdulhalim@usim.edu.my)

ABSTRAK

Secara umumnya, hadis adalah sumber kedua tertinggi selepas al-Quran dan digunakan sebagai sumber rujukan bagi umat Islam. Namun, tidak semua hadis yang dinyatakan adalah benar kerana terdapat penipuan yang digunakan dengan menggunakan nama Nabi Muhammad SAW yang dikenali sebagai hadis mawdu' (hadis palsu). Ini kerana kajian mendapati bahawa terdapat hadis yang di sampaikan tidak dinyatakan status dan perawi hadis, hal ini menyebabkan tersebar nya hadis palsu. Mengambil kira kebimbangan ini, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap kesedaran pelajar mengenai penyebaran hadis mawdu' dengan menganalisis ilmu pengetahuan pelajar mengenai ilmu hadis. Kajian ini di jalankan dengan memberikan beberapa soalan kaji selidik kepada pelajar Da'wah dan Pengurusan Islam USIM. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah dokumentasi iaitu dengan merujuk bahan-bahan ilmiah dan artikel. Kaedah ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai hadis mawdu'. Di samping itu, pengkaji juga telah menggunakan sumber rujukan daripada laman sesawang rasmi dalam mengumpulkan maklumat tentang hadis mawdu'. Hasil daripada dapatan kajian ini mendapati bahawa tahap kefahaman berkaitan dengan hadis mawdu' adalah tahap sederhana dan sebahagian pelajar masih belum dapat mengenalpasti dengan jelas status hadis yang diterima. Oleh itu, kajian ini adalah untuk memberi kesedaran kepada pelajar Da'wah dan Pengurusan Islam bahawa pentingnya untuk mengetahui ilmu hadis supaya para pelajar lebih berhati-hati dalam menyebarkan atau menerima hadis kerana ia akan memberi kesan yang besar kepada amalan kehidupan.

Kata Kunci: Kesedaran, Pelajar, Da'wah dan Pengurusan Islam, Hadis Mawdu'.

Pengenalan

Hadis merupakan sumber panduan kedua yang paling berwibawa bagi umat Islam, selepas daripada al-Quran. Pemahaman hadis ini penting kerana boleh memberikan implikasi yang mendalam terhadap amalan ibadah komuniti muslim khususnya. Akan tetapi, ianya perlulah disemak kesahihan hadis terlebih dahulu sebelum disebarkan atau mengamalkannya. Hal ini kerana, tidak semua hadis yang dinyatakan adalah benar kerana terdapat hadis yang direka atau lebih dikenali sebagai hadis palsu yang mana hadis tersebut disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW walaupun ianya bukan daripada sabda baginda. Justeru itu, pentingnya untuk memastikan penyebaran setiap hadis ini disertakan dengan nama perawi dan status hadis sebelum disebarkan atau disampaikan kepada masyarakat Islam.

Tinjauan Literatur

Pengenalan

Kajian ini dijalankan dengan menganalisis tinjauan kuantitatif untuk menilai kesedaran pelajar yang mengikuti program Da'wah dan Pengurusan Islam mengenai hadis mawdu'. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kesedaran dan tahap ilmu pengetahuan di kalangan pelajar mengenai hadis mawdu'.

Pengenalan Ilmu Hadis

Umumnya kita ketahui bahawa hadis adalah perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat-sifat Rasulullah SAW. Jika dilihat pada istilahnya, hadis membawa makna segala apa sahaja yang dinisbahkan pada Nabi Muhammad saw dari segi perkataan, perbuatan, taqrir atau sifat samada fizikal atau akhlak dan sirah samada sebelum dan selepas menjadi Rasul (Amran Abdul Halim et al.,2020). Pemahaman hadis ini penting kerana boleh memberikan implikasi yang mendalam terhadap amalan ibadah dalam komuniti muslim khususnya. Merujuk pada artikel Mohd Zohdi Mohd Amin dan A. Irwan Santeri Doll Kawaid (2022) adapun menyatakan mengenai makna hadis mawdu' adalah merujuk kepada hadis yang dinisbahkan kepada nabi Muhammad SAW secara tersilap (al-'illah) sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Hadis-hadis yang dikategorikan sebagai tidak sengaja itu bukanlah dinamakan hadis mawdu' akan tetapi ia dinamakan hadis batil.

Di samping itu, masih lagi terdapat hadis mawdu' yang di sebar kerana tiada kesedaran tentang kepentingan mempelajari ilmu hadis. Berdasarkan artikel Abur Hamdi Usman dan Mohd Norzi Nasir (2022) hadis palsu ini adalah hadis yang direka atau dicipta lalu disandarkan ia di atas nama nabi SAW secara dusta sama ada berbentuk ucapan, perbuatan dan iqrar Nabi SAW dengan sengaja atau tidak sengaja.

Kesimpulannya, penyebaran hadis mawdu' dengan sengaja atau tidak sengaja, boleh mencemarkan kesucian sebuah hadis. Ini kerana merujuk kepada pendapat ulama hadis menyatakan bahawa meriwayatkan hadis palsu adalah diharamkan jika seseorang itu mengetahui akan keadaan hadis (palsu) tersebut melainkan dengan menjelaskan kepalsuan

hadis tersebut. Justeru itu, penting untuk memastikan penyebaran setiap hadis ini disertakan dengan nama perawi dan status hadis sebelum disebar atau disampaikan kepada masyarakat Islam.

Ciri-Ciri Hadis Mawdu'

Menurut Dr Mohd Asri bin Zainul Abidin, melalui laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Perlis, dalam artikel bertajuk "Kenali Hadith Palsu Menerusi Matan" menjelaskan bahawa hadis rekaan boleh dikenal pasti melalui dua kaedah iaitu kajian sanad (rantai perawi) dan kajian matan (teks hadis). Selain itu, Dr Mohd Asri juga mengemukakan ciri-ciri hadis rekaan yang disebut oleh Ibn Qayyim, bahawa ciri-ciri hadis palsu merupakan sesuatu yang disebut berlebih-lebihan (mujazafah) dalam menetapkan pahala dan dosa. Maksudnya, sesuatu perkara yang kecil diletakkan dengan hukuman atau ganjaran yang tidak munasabah. Sebagai contoh, Ibn Qayyim menyatakan satu ciri-ciri hadis yang menetapkan dengan ganjaran yang berlebihan seperti hadis berikut "Hendaklah kamu memakan garam kerana ia ubat bagi 70 penyakit. (Mohd Asri bin Zainul Abidin, 2020).

Hukum Hadis Mawdu'

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa pemalsuan hadis adalah haram dan merupakan dosa besar, ijmak yang disepakati oleh ahli hadis. Di samping itu, menurut al-Sakhāwī, sebahagian ulama berpandangan bahawa mengada-adakan hadis yang berkaitan dengan aqidah boleh membawa kepada murtad atau terkeluar daripada islam. Tambahan pula, Ibn Salah mengkategorikan hadis rekaan sebagai antara bentuk hadis dhaif yang paling buruk. Sebaliknya, menurut 'Awwāmah, hadis lemah mungkin masih dikaitkan dengan nabi Muhammad (saw), manakala hadis rekaan melibatkan pembohongan dan kepalsuan yang terang-terangan (Muhammad Asraf Shahrulail et al., 2022).

Menurut Dr Mohd Asri bin Zainul Abidin, dalam artikel dalam taliannya bertajuk "Kenali Hadith menerusi Matan" menekankan bahawa menyebarkan hadis rekaan tanpa menjelaskan kebatilannya adalah berdosa besar. Beliau memetik hadis mutawatir yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, yang menyatakan: "Sesungguhnya berdusta ke atasku (mengggunakan namaku) bukanlah seperti berdusta ke atas orang lain (mengggunakan nama orang lain). Sesiapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja, maka siaplah tempat duduknya dalam neraka". Sesungguhnya Hadis ini menggariskan larangan keras bersaksi dusta terhadap nama Nabi Muhammad SAW. (Mohd Asri bin Zainul Abidin, 2020).

Penyataan Masalah

Secara umumnya, hadis adalah sumber kedua tertinggi selepas al-Quran dan digunakan sebagai sumber rujukan bagi umat Islam. Namun, tidak semua hadis yang dinyatakan adalah benar kerana terdapat hadis yang menggunakan nama Rasulullah SAW sedangkan Rasulullah SAW tidak melakukannya dan ia dikenali sebagai hadis mawdu' atau hadis palsu.

Hal ini kerana, terdapat golongan anti hadis yang memanfaatkan teknologi media sosial dalam menyebarkan kefahaman mereka dengan mempertikaikan penulisan hadis serta keaslian hadis dan juga boleh mengelirukan masyarakat Islam khususnya (Aisyah Binti Abdul Satar et al., 2023). Tambahan, masalah penyebaran hadis palsu ini terjadi apabila penceramah enggan untuk merujuk kepada sumber yang muktabar dalam pengambilan hadis, sebaliknya mengambil maklumat daripada sumber lain tanpa merujuk kepada sumber yang berkaitan dengan bidang hadis (Siti Nordiana Katek et al., 2023).

Sebagai contoh, kajian mendapati bahawa terdapat 9 penggunaan hadis mardud (yang ditolak) semasa perbincangan tentang peristiwa Israk dan Mikraj di negeri Melaka dan 6 hadis yang sumber asalnya tidak diketahui (Wahyu Hidayat Abdullah et al., 2022). Oleh itu, penceramah perlulah bertanggungjawab dalam menyampaikan hadis dengan menyebut sumber hadis berserta dengan penerangannya untuk memastikan sumber hadis itu benar dan tidak palsu (Ibtisam Ibrahim et al., 2022). Ini kerana setiap hadis nabi itu mengandungi makna atau panduan agama yang nabi ingin sampaikan kepada umatnya (Ifa Dotus Salimah et al., 2022). Selain itu, kajian mendapati bahawa terdapat 22 hadis Mawdu' dalam buku Jawi lama dan buku-buku agama tertentu yang digunakan sebagai rujukan dan pengajaran oleh komuniti Muslim (Mohd Shukri bin Mohd Senin, 2020). Seterusnya, kesalahfahaman umum tentang hadis berpunca daripada menggunakan logik akal biasa dalam pentafsiran hadis tanpa merujuk kepada ahli hadis dalam memahami hadis (Amran Abdul Halim et al., 2020). Dalam pada masa yang sama, kecenderungan masalah ini berlaku disebabkan oleh penyebaran hadis palsu yang menggunakan bahasa Melayu tanpa adanya teks asal dalam bahasa Arab sehingga ia mudah disebarkan ke aplikasi-aplikasi laman sesawang tanpa usul periksa yang tepat (Firdaus Khairi Abdul Kadir dan Fadzli Adam, 2019).

Mengambil kira kebimbangan ini, penyelidikan ini dijalankan dengan menganalisis tinjauan kuantitatif untuk menilai kesedaran pelajar program Da'wah dan Pengurusan Islam mengenai hadis mawdu'. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kesedaran dan ilmu pengetahuan pelajar mengenai hadis mawdu' serta menggalakkan pentafsiran dan penyebaran hadis yang lebih tepat dalam kalangan pelajar.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian secara kuantitatif iaitu dengan mengedarkan borang kaji selidik kepada pelajar Dakwah dan Pengurusan Islam dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM. Kaedah yang dijalankan adalah untuk mencapai objektif iaitu untuk mengetahui kesedaran pelajar terhadap hadis mawdu' dan juga ilmu pengetahuan hadis dalam kalangan pelajar.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah dokumentasi iaitu dengan merujuk bahan-bahan ilmiah, dan artikel. Kaedah ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai hadis palsu. Di samping itu, pengkaji juga telah menggunakan sumber rujukan daripada laman sesawang rasmi dalam mengumpulkan maklumat tentang hadis mawdu'.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Bahagian ini akan menjelaskan secara terperinci dengan menganalisis data yang diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden.

i. Latar Belakang Responden

Jadual 1: Analisis Demografi

Demografi	Kekerapan	Peratusan
Umur		
19-22	61	82.4
23-25	13	17.6
26- above	0	0
Jantina		
Lelaki	35	52.7
Perempuan	39	47.3
Tahun Pengajian		
Tahun 2	47	63.5
Tahun 3	27	36.5

Sumber: Borang Kaji Selidik Kajian Kesedaran Pelajar Terhadap Hadis Mawdu' Dalam Kalangan Pelajar Da'wah dan Pengurusan Islam USIM

Berdasarkan jadual 1, jumlah keseluruhan responden yang menjawab adalah seramai 74 orang. Responden ini terdiri daripada pelajar jurusan Da'wah dan Pengurusan Islam di USIM. Analisis demografi menunjukkan bahawa dalam tahun pengajian tersebut mendapati bahawa jumlah yang menjawab responden terbanyak adalah dari tahun 2, iaitu seramai 47 orang atau 63.5%, berbanding dengan tahun 3 yang memiliki 27 orang responden, iaitu bersamaan dengan 36.5%.

ii. Analisis Kesedaran Pelajar dalam menentukan Status Hadis

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis tahap kesedaran pelajar dalam menentukan status hadis, dengan memberikan lima potongan hadis yang perlu pelajar tentukan status hadis tersebut sama ada sahih, dhaif, palsu atau tidak pasti.

Jadual 2: Hadis 1

Hadis	Kekerapan	Peratusan
<i>" tidur orang yang berpuasa</i>		
<i>adalah ibadah dan diamnya adalah tasbih"</i>		
Sahih	24	32.4%
Dhaif	28	37.8%
Palsu	8	10.8%
Tidak Pasti	14	18.9%

Sumber: Borang Kaji Selidik Kajian Kesedaran Pelajar Terhadap Hadis Mawdu' Dalam Kalangan Pelajar Da'wah dan Pengurusan Islam USIM

Jadual 2 menunjukkan kekerapan jawapan oleh pelajar berkaitan status hadis "Tidur orang yang berpuasa adalah ibadah dan diamnya adalah tasbih". Berdasarkan jadual 2 seramai 24 orang bersamaan 32.4% yang menjawab status hadis tersebut adalah sahih. Kemudian terdapat seramai 28 orang bersamaan 37.8% yang menjawab status hadis adalah dhaif dan 8 orang bersamaan 10.8% yang menjawab statusnya adalah palsu. Manakala, seramai 14 orang bersamaan 18.9% yang menjawab tidak pasti.

Jadual 3: Hadis 2

Hadis	Kekerapan	Peratusan
<i>"Sesiapa yang tidur selepas asar kemudian hilang</i>		
<i>akalnya"</i>		
Sahih	4	5.4%
Dhaif	42	56.8%
Palsu	13	17.6%

Tidak Pasti	15	20.3%
-------------	----	-------

Sumber: Borang Kaji Selidik Kajian Kesedaran Pelajar Terhadap Hadis Mawdu' Dalam Kalangan Pelajar Da'wah dan Pengurusan Islam USIM.

Jadual 3 menunjukkan kekerapan jawapan oleh pelajar berkaitan status hadis "Sesiapa yang tidur selepas asar kemudian hilang akal nya". Berdasarkan jadual 3 seramai 4 orang bersamaan 5.4% yang menjawab status hadis tersebut adalah sahih. Kemudian, terdapat seramai 42 orang bersamaan 56.8% yang menjawab status hadis adalah dhaif. Seramai 13 orang bersamaan 17.6% yang menjawab statusnya adalah palsu. Manakala, 15 orang orang bersamaan 20.3% yang menjawab tidak pasti.

Jadual 4: Hadis 3

Hadis	Kekerapan	Peratusan
<i>"Rejab adalah bulan Allah, Sya'ban bulanku (Nabi SAW) dan Ramadhan adalah bulan umatku"</i>	28	37.8%
Sahih	10	13.5%
Dhaif	12	16.2%
Palsu	24	32.4%
Tidak Pasti		

Sumber: Borang Kaji Selidik Kajian Kesedaran Pelajar Terhadap Hadis Mawdu' Dalam Kalangan Pelajar Da'wah dan Pengurusan Islam USIM.

Jadual 4 menunjukkan kekerapan jawapan oleh pelajar berkaitan status hadis "Rejab adalah bulan Allah, Sya'ban bulanku (Nabi SAW) dan ramadhan adalah bulan umatku". Berdasarkan jadual 4 seramai 28 orang bersamaan 37.8% yang menjawab status hadis tersebut adalah sahih. Kemudian, terdapat seramai 10 orang bersamaan 13.5% yang menjawab status hadis adalah dhaif. Seramai 12 orang bersamaan 16.2% pula, menjawab statusnya adalah palsu. Manakala, seramai 24 orang bersamaan 32.4% yang menjawab tidak pasti.

Jadual 5: Hadis 4

Hadis	Kekerapan	Peratusan
<i>"Permulaan bulan Ramadhan membawa kerahmatan, pertengahannya keampunan dan kesudahannya pelepasan dari api neraka"</i>		
Sahih	40	54.1%
Dhaif	16	21.6%
Palsu	6	8.1%
Tidak Pasti	12	16.2%

Sumber: Borang Kaji Selidik Kajian Kesedaran Pelajar Terhadap Hadis Mawdu' Dalam Kalangan Pelajar Da'wah dan Pengurusan Islam USIM.

Jadual 5 menunjukkan kekerapan jawapan oleh pelajar berkaitan status hadis "Permulaan bulan Ramadhan membawa kerahmatan, pertengahannya keampunan dan kesudahannya pelepasan dari api neraka". Berdasarkan jadual 5 seramai 40 orang bersamaan 54.1% yang menjawab status hadis tersebut adalah sahih. Kemudian terdapat seramai 16 orang bersamaan 21.6% yang menjawab status hadis adalah dhaif. Dan 6 orang bersamaan 8.1% yang menjawab statusnya adalah palsu. Manakala seramai 12 orang bersamaan 16.2% yang menjawab tidak pasti.

Jadual 6: Hadis 5

Hadis	Kekerapan	Peratusan
<i>"Sesungguhnya malaikat maut akan melihat wajah-wajah hamba (manusia) setiap hari sebanyak 70 kali"</i>		
Sahih	25	33.8%
Dhaif	11	14.9%
Palsu	21	28.4%
Tidak Pasti	17	23%

Sumber: Borang Kaji Selidik Kajian Kesedaran Pelajar Terhadap Hadis Mawdu' Dalam Kalangan Pelajar Da'wah dan Pengurusan Islam USIM.

Jadual 6 menunjukkan kekerapan jawapan oleh pelajar berkaitan status hadis "Sesungguhnya malaikat maut akan melihat wajah-wajah hamba (manusia) setiap hari sebanyak 70 kali".

Berdasarkan jadual 6 seramai 25 orang bersamaan 33.8% yang menjawab status hadis tersebut adalah sahih. Kemudian terdapat seramai 11 orang bersamaan 14.9% yang menjawab status hadis adalah dhaif. Dan 21 orang bersamaan 28.4% yang menjawab statusnya adalah palsu. Manakala seramai 17 orang bersamaan 23% yang menjawab tidak pasti.

iii. Menganalisis ilmu pengetahuan hadis dan sikap responden selepas menerima hadis.

Jadual 7: soalan 1

Pernyataan	Kekerapan	Peratusan
<i>Adakah anda mengetahui hukum menyebarkan Hadis palsu?</i>		
Ya	68	91.9%
Tidak	6	8.1%

Sumber: Borang Kaji Selidik Kajian Kesedaran Pelajar Terhadap Hadis Mawdu' Dalam Kalangan Pelajar Da'wah dan Pengurusan Islam USIM.

Jadual 7 menunjukkan kekerapan jawapan oleh pelajar berkaitan soalan Adakah anda mengetahui hukum menyebarkan Hadis palsu. Berdasarkan jadual 7 seramai 68 orang responden bersamaan 91.9% menjawab ya bagi persoalan tersebut manakala baki 6 orang menjawab tidak bersamaan 8.1%

Jadual 8: soalan 2

Pernyataan	Kekerapan	Peratusan
<i>Adakah anda akan menyemak status hadis yang dijumpai, dengar, terima?</i>		
Ya	66	89.2%
Tidak	8	10.8%

Sumber: Borang Kaji Selidik Kajian Kesedaran Pelajar Terhadap Hadis Mawdu' Dalam Kalangan Pelajar Da'wah dan Pengurusan Islam USIM.

Jadual 8 menunjukkan kekerapan jawapan oleh pelajar berkaitan soalan Adakah anda akan menyemak status hadith yang dijumpai, dengar, terima. Berdasarkan jadual 8 seramai 66 orang responden bersamaan 89.2% menjawab ya bagi persoalan tersebut manakala baki 8 orang menjawab tidak bersamaan 10.8%

Jadual 9: Soalan 3

Pernyataan	Kekerapan	Peratusan
<i>Dimanakah anda biasa menyemak status hadis?</i>		
Mana-mana Web	34	45.9%
Mana-mana aplikasi telefon pintar	2	2.7%
Bertanya pada ahlinya	25	33.8%
Merujuk kitab	10	13.5%
Lain-lain	3	4.1%

Sumber: Borang Kaji Selidik Kajian Kesedaran Pelajar Terhadap Hadis Mawdu' Dalam Kalangan Pelajar Da'wah dan Pengurusan Islam USIM.

Jadual 9 menunjukkan kekerapan jawapan oleh pelajar berkaitan soalan di manakah anda biasa menyemak status hadis. Berdasarkan jadual 9 seramai 34 orang bersamaan 45.9% yang menyemak hadis di mana-mana web untuk menyemak hadis. Manakala, seramai 2 orang bersamaan 2.7% responden menyemak status hadis di mana-mana aplikasi telefon pintar. Kemudian, seramai 25 orang bersamaan 33.8% responden yang bertanya pada ahlinya. Seterusnya, seramai 10 orang bersamaan 13.5% yang merujuk kitab. Dan selebihnya 3 orang bersamaan 4.1% menyemak status hadis di lain-lain platform.

- iv. Pada bahagian ini pengkaji ingin mengetahui cadangan daripada responden dalam meningkatkan kesedaran Pelajar dalam mengetahui status hadis.

Jadual 10: Soalan tambahan

Pernyataan	Kekerapan	Peratusan
<i>Apakah Cadangan anda untuk meningkatkan Kesedaran Pelajar dalam mengetahui status hadis palsu?</i>		
Mempergiat perbincangan ilmu hadis	26	35.1%
Memperkemas dan membangunkan laman sesawang atau aplikasi telefon pintar dalam	33	44.6%

menyemak status hadis terutama dalam Bahasa
Melayu

Mengampalkan sikap "Tak pasti jangan Kongsi"	15	20.3%
--	----	-------

Sumber: Borang Kaji Selidik Kajian Kesedaran Pelajar Terhadap Hadis Mawdu' Dalam Kalangan Pelajar Da'wah dan Pengurusan Islam USIM.

Jadual 10 menunjukkan kekerapan jawapan oleh pelajar berkaitan soalan apakah cadangan anda untuk meningkatkan kesedaran pelajar dalam mengetahui status hadis palsu. Berdasarkan jadual 10 seramai 26 orang bersamaan 35.1% responden memberikan cadangan iaitu dengan mempergiat perbincangan ilmu hadis. Manakala seramai 33 orang responden bersamaan 44.6% memberikan cadangan dengan memperkemas dan membangunkan laman sesawang atau aplikasi telefon pintar dalam menyemak status hadis terutama dalam Bahasa melayu. Dan baki 15 orang bersamaan 20.3% memberikan konsep dengan mengamalkan sikap "tak pasti jangan Kongsi".

Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa pelajar program Da'wah dan Pengurusan Islam USIM sudah mula mempunyai kesedaran bahawa kepentingan untuk meneliti status hadis yang diterima. Walaubagaimanapun, masih terdapat sebahagian pelajar yang belum dapat mengenalpasti dengan jelas mengenai status hadis yang diterima. Hal ini menjadi pertanda bahawa ahli akademik perlu memberikan lebih banyak perhatian kepada institusi pengajian tinggi, tidak hanya untuk meningkatkan kesedaran, tetapi juga meningkatkan kepekaan mereka terhadap status hadis yang diterima. Hal ini kerana, bagi menangani penyebaran hadis palsu dalam kalangan Masyarakat Islam yang boleh mengelirukan dalam amalan ibadah seharian.

Kajian ini hanyalah sebahagian daripada isu-isu berkaitan status hadis yang biasanya disebarkan melalui laman sosial dan ceramah agama. Diharapkan daripada hasil kajian ini, ianya dapat dijadikan sebagai rujukan kepada ahli akademik, pendakwah bebas dan sebagainya dalam memberikan kesedaran kepada pelajar mahupun masyarakat Islam khususnya dalam menangani penyebaran hadis palsu dan kepentingan mengetahui ilmu hadis.

Rujukan

Abdullah, W. H. (2022). Penggunaan Hadis-Hadis Mardud Dalam Ceramah Peristiwa Israk Dan Mikraj Di Negeri Melaka. *Hadis*, 12(23), 12-24.

Abidin, D. A. P. D. M. A. B. Z. (N.D.). Kenali Hadis Palsu Menerusi Matan. Jabatan Mufti Negeri Perlis. Retrieved March 30, 2020, From

<https://muftiperlis.gov.my/index.php/minda-mufti/287-kenali-hadis-palsu-menerusi-matan>.

- Amin, M. Z. M., & Kawaid, A. I. S. D. (2022, December). Hadith Mawdu'dalam Kitab Bughyah Al-Tullab Karangan Sheikh Daud Al-Fatani (Juzuk 1): Satu Kajian Semula. In *Proceeding Of International Prophetic Conference* (No. 8th, Pp. 446-454).
- Halim, A. A., Salaeh, A., Said, W. M., Hassan, S. N. S., Zakaria, N., Amin, M. F. M., & Sobali, A. M. (2020). Pemahaman Hadith Dalam Kalangan Masyarakat Di Malaysia: Kajian Dalam Media Sosial Di Malaysia.
- Ibrahim, I., Saleh, S. F. Z. M., Yahya, N., & Abdullah, B. (2022). Kaedah Mengenal Pasti Status Hadis Dan Kesannya Dalam Penyampaian Mesej Dakwah [The Method Of Verifying The Status Of Hadith And Its Effect In Delivery Message Of Da'wah]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 143-152.
- Kadir, F. K. A., & Adam, F. (2019). Hadith Palsu: Kajian Terhadap Faktor Penyebaran Dan Cara Mengatasinya. In *Proceedings Of The International Conference On Islamic Civilization And Technology Management* (Pp. 507-516).
- Katek, S. N. Binti, Hasmain, N. A. Binti, Zahari, N. I. Binti, & Hassan, S. N. B. S. (2023). Aplikasi Tabayyun Dalam Penerimaan Hadith Dan Faedahnyanya Dalam Mengatasi Penyebaran Hadith Palsu.
- Mohd Senin, M. S. (2020). Hadith Palsu Di Malaysia: Tinjauan Perkembangan Dan Keberadaannya Di Dalam Kitab-Kitab Jawi Silam Dan Buku-Buku Agama Terpilih. *Journal Of Contemporary Islamic Studies*, 6(2).
- My Hadith: Jakim: Halaman Utama. (N.D.).
<https://myhadith.islam.gov.my/jenishadiths.php?id=13>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - Irsyad Al-Hadith Siri Ke-249: Hadith Mawduhu' (Palsu). (2018, February 20). <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/2307-irsyad-al-hadith-siri-ke-249-hadith-mawduhu-palsu>
- S. (N.D.). Home. Faculty Of Leadership & Management Usim. <https://fkp.usim.edu.my/>
- Salimah, I. D., & Haris, A. (2022). Memahami Makna Hadits Nabi Muhammad Saw Secara Tekstual Dan Kontekstual. *Ahsana Media: Jurnal Pemikiran, Pendidikan Dan Penelitian Ke-Islaman*, 8(1), 48-60.
- Satar, A. B. A., Isa, N. N. B. M., Anwar, A. A. B. M. K., & Saidin, M. B. (2023). Pembukuan Dan Pendigitalan Hadith: Isu Dan Cabaran.
- Shahrulail, M. A., Sudi, S., & Soroni, M. K. (2022). [Category Of Hadith Assessed False] Kategori Hadis Yang Dinilai Palsu. *International Journal Of Islamic Products And Malay Civilization*, 1(2), 164-187.

Usman, A. H., & Nasir, M. N. (2022). Penyebaran Hadis Palsu Dalam Penerbitan Di Malaysia Dan Kesannya Kepada Masyarakat. *Hadis*, 12(23), 34-50.